

05 JAN 2001

GPMS-Suqiu

GPMS TERUSKAN PERHIMPUNAN SUARA RAKYAT

KUALA TERENGGANU, 5 Jan (Bernama) -- Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) akan meneruskan rancangannya mengadakan "Perhimpunan Suara Rakyat" di sini, esok, sebagai membantah 83 tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) termasuk memansuhkan hak keistimewaan orang Melayu.

Setiausaha Agung GPMS Syed Anuar Syed Mohamad berkata perhimpunan itu akan diadakan mengikut jadual kerana GPMS tidak menerima sebarang pengumuman rasmi daripada Suqiu untuk menggugurkan tuntutan.

"Apa yang kami tahu, GPMS belum menerima sebarang pengumuman rasmi daripada Suqiu berhubung perkara ini (pengguguran tuntutan Suqiu)," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata GPMS mewakili masyarakat dan pertubuhan Melayu dalam menangani isu itu dan adalah wajar bagi Suqiu untuk memaklumkan secara rasmi kepada GPMS berhubung persetujuannya menggugurkan tuntutan itu.

Menurutnya Suqiu harus memaklumkan terus kepada GPMS dan bukan melalui mana-mana wakil kerana GPMS adalah wakil orang Melayu dalam isu itu.

Beliau berkata perhimpunan serupa di negeri-negeri lain juga akan diadakan mengikut jadual kerana tiada komitmen rasmi daripada Suqiu mengenai pengguguran tuntutan itu.

Syed Anuar diminta mengulas mengenai persetujuan Suqiu untuk menggugurkan setengah daripada tuntutan yang terkandung dalam memorandum yang dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terutama berhubung hak keistimewaan orang Melayu.

GPMS semalam mengumumkan bahawa kira-kira 4,000 orang dari 40 pertubuhan Melayu di Terengganu telah bersetuju mengambil bahagian dalam perhimpunan bergerak itu di sini esok.

Ketika ditanya mengenai pertemuan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dengan Suqiu di Kuala Lumpur hari ini, Syed Anuar berkata GPMS akan menyokong sebarang keputusan yang membawa kepada pengguguran tuntutan oleh Suqiu.

"Suqiu harus ikhlas untuk menggugurkan tuntutan dan bukannya mempermaikan orang Melayu," katanya.

-- BERNAMA

SN NAK